

Kenyataan "Father Augustus Chen" halalkan tindakan RoS terhadap DAP, kata Kit Siang

Malaysian Insider

Aug 5 , 2013

Oleh Hasbullah Awang Chik

Kenyataan Datuk Hassan Malek yang memetik kenyataan Father Augustus Chen sebagai mempunyai kuasa dalam mempengaruhi Ketua Pengarah Pendaftar Pertubuhan (RoS) Datuk Abdul Rahman Othman bagi mengarahkan DAP mengadakan semula pemilihan Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) melihatkan konspirasi Umno dan Barisan Nasional (BN) yang jelas luar biasa, kata Lim Kit Siang.

Penasihat DAP itu berkata Father Augustus Chen yang dikatakan menulis sebuah buku mendakwa perkara luar biasa dalam pemilihan parti DAP tahun lalu jelas imaginasi kempen psikologi Umno dan BN sebelum dan selepas pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Katanya, pertuduhan luar biasa terhadap pemilihan DAP oleh Father Augustus Chen dalam bukunya tidak lain hanya menyebarkan penipuan dan tuduhan tidak berasas yang diterbitkan dalam sebahagian laporan 400 anti DAP dan tulisan media milik Umno BN sejak Januari terutamanya dalam Utusan Malaysia dan New Straits Times.

"Perkara rekaan dalam buku itu telah diberikan keutamaan oleh media milik Umno dan BN yang diterbitkan dalam empat bahasa iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil serta diedarkan dalam kuantiti besar secara percuma yang pasti ditaja oleh Umno BN bagi menjayakan kempen untuk menjatuhkan dan memusnahkan DAP.

"Pada mulanya, saya berasa hairan mengapa buku rekaan yang penuh dengan penipuan oleh Father Augustus Chen muncul bulan lalu setelah tamat PRU13 namun kini saya faham kemunculannya bagi memberi gambaran kepada RoS untuk mengambil tindakan terhadap DAP.

"Ketua Pengarah RoS berkata Akta Pertubuhan tidak memerlukan RoS bagi menjelaskan keputusannya kepada umum," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Katanya, RoS ingin melihatkan mereka mempunyai kuasa untuk bertindak secara tidak wajar maka cara terbaik menyampaikan kepada umum adalah dengan memberikan alasan keputusan mereka.

Akhbar milik Umno, Utusan Malaysia melaporkan kontroversi pemilihan CEC DAP semakin menarik selepas pendedahan Laporan Ekuiti (Penipuan Pemilihan CEC) tulisan Father Augustus Chen yang menyatakan secara terperinci penipuan dalam pemilihan itu sejak 47 tahun lalu.

Laporan itu pertama kali didedahkan Ketua Cawangan DAP Jalan Bagan Luar, G. Asoghan pada 20 Julai lalu yang menerimanya dalam dua versi iaitu bahasa Melayu dan bahasa Tamil melalui kiriman pos.

Ekoran pendedahan buku itu, bekas Ahli Parlimen Wangsa Maju, Wee Choo Keong mendakwa, Father Augustus Chen pernah menjadi rakan karib kepada Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng sekali gus memperlihatkan buku tersebut mempunyai kredibiliti. - 5 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kenyataan-father-augustus-chen-halalkan-tindakan-ros-terhadap-dap-kata-kit>